JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
23 OKTOBER 2026

DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 6/2026 (Pindaan No.1)

PENAMBAHBAIKAN DASAR LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PENGHANTARAN DAN PENGAGIHAN ELEKTRIK

1. Mulai 6 September 2018, di bawah seksyen 8, Akta Cukai Perkhidmatan (ACP) 2018, Menteri telah menetapkan perkhidmatan penghantaran dan pengagihan elektrik kepada pengguna domestik selain pengguna domestik dalam kawasan ditetapkan adalah suatu perkhidmatan bercukai.

2. Selaras dengan pengumuman YAB Menteri Kewangan, adalah dimaklumkan bahawa pengecualian cukai perkhidmatan diberikan kepada **pengguna domestik** dengan penggunaan elektrik **800 kWj dan ke bawah** bagi tempoh minimum dua puluh lapan (28) hari untuk satu kitaran pembilan seperti berikut.

    i. **Pengguna domestik** dengan penggunaan elektrik **800 kWj dan ke bawah** bagi tempoh minimum dua puluh lapan (28) hari untuk satu kitaran pembilan dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan selaras dengan seksyen 34(3)(a), Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

    ii. **Penyedia perkhidmatan** penghantaran dan pengagihan elektrik dikecualikan daripada mengenakan cukai perkhidmatan kepada pengguna domestik dengan penggunaan elektrik **800 kWj dan ke bawah selaras dengan seksyen 34(4),** Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

3. Tarikh kuatkuasa penambahbaikan dan pengecualian dasar ini diluluskan dan berkuat kuasa bagi tempoh mulai **1 September 2026 sehingga 31 Disember 2026.**

4. Pengguna domestik layak diberikan bayaran balik cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penghantaran dan pengagihan elektrik bagi tempoh mulai 1 September 2026 sehingga 16 September 2026 seperti berikut:

    a. Kelulusan bayaran balik ini adalah berdasarkan kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri Kewangan melalui subseksyen 34(3)(b), Akta Cukai Perkhidmatan 2018;

    b. Penyedia perkhidmatan perlu mengemukakan bukti bahawa bayaran balik cukai perkhidmatan telah dibuat terlebih dahulu kepada pelanggan melalui pelarasan bil elektrik; dan

c. Penyedia perkhidmatan hendaklah mematuhi apa-apa prosedur dan syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam bagi tujuan bayaran balik tersebut.

Penafian: Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA